

05/07/2001

Gajah Emas anggap MOM `pak turut`

Halmi Samad

KEMELUT sepak takraw menjelang Sukan Sea XXI, September ini kian kalut apabila pengeluar jenama tempatan, Gajah Emas mempertikai kewibawaan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) kerana memilih produk Thailand sebagai bola rasmi temasya dwitahunan itu.

Sambil menyifatkan tindakan MOM itu bertentangan aspirasi `Malaysia Boleh`, pengeluar Gajah Emas, Gajatakraw Industries Sdn Bhd, merumuskan senario itu menentang arus pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ketika Perdana Menteri menyarankan kita supaya menggunakan lebih banyak barangan tempatan, MOM pula tunduk dengan kemahuan Thailand dengan memilih keluaran negara berkenaan, Marathon sebagai bola rasmi sepak takraw Sukan Sea.

"Yang peliknya, Sukan Sea kali ini diadakan di Kuala Lumpur, bukannya di Bangkok. Tapi, bola yang digunakan ialah Marathon, keluaran Thailand. Sayang sungguh perkara seperti ini boleh berlaku.

"Saya tidak sangka ini boleh berlaku pada ketika Perdana Menteri sendiri mahukan semua rakyat menggunakan keluaran tempatan," kata Pengarah Gajatakraw Industries Sdn Bhd, Kevin Lim, ketika ditemui di Kuala Lumpur, semalam.

Isu itu hangat apabila Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf) memaklumkan MOM bahawa jenama Thailand, Marathon digunakan sebagai bola rasmi sepak takraw di Sukan Sea, nanti.

Istaf dalam laporannya memberi alasan kononnya jenama Marathon sudah mendapat pengiktirafan antarabangsa, sedangkan Gajah Emas masih dalam kajian untuk disahkan produk terbaik.

Setiausaha MOM, Datuk Siew Kok Chi pula dilaporkan sebagai berkata pihaknya terpaksa akur kepada arahan badan induk antarabangsa itu kerana ia berkuasa dari segi aspek teknikal.

Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) dilaporkan lebih berminat menggunakan Gajah Emas.

Lim turut meluahkan kekecewaan kepada Istaf dan Persatuan Sepak Takraw Asia (Astaf) kerana memandang negatif keupayaan Gajah Emas, bola yang sudah diuji dan diluluskan spesifikasinya oleh Sirim Berhad.

Difahamkan, Gajah Emas sebenarnya sudah melepasi syarat keperluan dan kehendak mengikut undang-undang 4, Undang-undang Istaf.

Sebagai bukti, katanya, Gajah Emas digunakan sebagai bola rasmi di Sukan Asia ke-9 di New Delhi, India pada 1982, Sukan Sea 1981 di Manila, Filipina; Singapura (1983); Jakarta (1987) dan Kuala Lumpur (1989).

"Bola Gajah Emas juga digunakan pada empat temasya Sukan Arafura di Darwin, Australia iaitu pada 1993, 1997, 1999 dan 2000. Ia juga dijadikan bola rasmi Sukan Malaysia (Sukma) pada 1986, 1992, 1996, 1998 dan 2000," katanya.

Lim berkata, Gajah Emas turut dipilih bola rasmi Kejohanan Sepaktakraw Dunia pada 1985, 1986, 1988, 1990, 1993 dan 2000. Paling terbaru ialah di Kuantan, Pahang, tahun lalu.

"Jadi, saya tidak nampak kenapa mereka kata Gajah Emas masih lagi dalam kajian," katanya.

(END)